## PERATURAN PERMAKAHAN

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | (a) | (i) | Maksud kalimah yang bergaris :<br>(1) supaya kamu saling berkenalan/ berkenalan<br>(2) orang yang paling bertakwa/ taqwa | 2 x 1m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Tuntutan saling mengenali dalam kalangan pelbagai bangsa ialah:<br><br>- menjalin perpaduan dan perhubungan yang harmoni.<br>- mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik.<br>- menjalin hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam.<br>- menggalakkan interaksi dan kerjasama yang saling melengkapi antara satu sama lain.<br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 x 1m = 2m |
| | | | <br>Rajah 1 : Keharmonian kepelbagaian kaum di Malaysia | |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Berdasarkan rajah 1, cadangkan cara mewujudkan suasana tersebut di sekolah. Jelaskan jawapan anda.<br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- memupuk sikap hormat menghormati antara satu sama lain.<br>- menggalakkan interaksi / kerjasama di antara murid<br>- mengeratkan silaturahim dalam kalangan murid.<br>- menyuburkan perasaan kasih sayang murid<br>- mengamalkan sikap toleransi antara murid yang berbilang kaum</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud berdikari ialah berusaha sendiri dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Konsep berdikari ialah:<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain.<br>- Meyakini kemampuan diri<br>- Berazam dengan hemah yang tinggi<br>- Berusaha bersungguh –sungguh</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | "Pelajar, belajar berdikari jangan malas"<br>PETALING JAYA – Tidak dinafikan ramai yang terkesan dengan kos sara hidup yang semakin 'menggila' termasuk pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.<br><br>Berdasarkan rajah 2, cadangkan tindakan yang sepatutnya pelajar tersebut lakukan.<br><br>**Rubrik penskoran**<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja / 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas / 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi / 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. / 4m<br><br>**Cadangan isi:**<br>- bekerja sendiri menambah wang perbelanjaaan<br>- tidak mengharapkan sepenuhnya bantuan daripada pihak lain.<br>- tidak bergantung sepenuhnya wang saku daripada ibu bapa<br>- sentiasa berfikir mencari sumber ekonomi/ pendapatan yang lebih baik.<br>- Belajar bersungguh-sungguh | 4 markah |
| | (c) | | Hukum tajwid bagi kalimah :<br>(1) Mad Lazim Harfi Muthaqqal<br>(2) Mad Lazim Harfi Mukhaffaf | 2 x 1m = 2m |

Rubrik penskoran (iii):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi  beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Takrif ajaran sesat:<br>Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. | 1 x 2m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Ciri ajaran sesat:<br>- Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata.<br>- Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi<br>- Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam.<br>- Mengaku menjadi nabi atau rasul<br>- Mendakwa diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi<br>- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa<br>- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan<br>- Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga<br>- Menolak alam ghaib<br>- Menolak kewajipan ibadat fardu<br>- Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah<br>- Mengejek, merendah-rendahkan dan mempersendakan sahabat Nabi SAW<br>- Bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap hanya kumpulannya yang benar<br>- Memperkecil amalan masyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAW<br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 4 x 1m = 4m |

**Jadual 1** Faktor berlakunya ajaran sesat

| Bil. | Faktor | A1 | A2 | A3 | A4 | A5 | A6 | A7 | A8 | A9 | A10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Kurang ilmu dan kejahilan | | / | / | | | | / | | / | / |
| 2. | Menyeleweng tafsiran | | | / | | / | / | | | / | |
| 3. | Taksub | | / | / | | | | | | | |
| 4. | Mencari jalan singkat dan mudah | | | | | | | / | | / | |
| 5. | Keliru | | | / | | | | / | | / | |
| 6. | Pengaruh falsafah pemikiran luar yang sekular | | | | | / | | | | / | |

(iii) Bincangkan faktor-faktor berlakunya ajaran sesat berdasarkan jadual di atas.

4 markah

Jawapan calon perlu ada perbandingan antara factor-faktor

**Rubrik penskoran**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja (perbandingan factor) | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Contoh jawapan:**

- Faktor ajaran sesat yang paling tinggi adalah kurang ilmu dan kejahilan. Berbanding pengaruh falsafah pemikiran luar yang secular. Manakala factor menyeleweng tafsiran juga menunjukkan kekerapan yang tinggi. Kesimpulannya kita perlu menuntut ilmu agar tidak terjebak dalam ajaran sesat.

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Sejarah aliran Khawarij:<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib ra yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Prinsip utama Khawarij yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah:<br>- jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- mereka menyatakan bahawa Saidina Ali ra telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir.</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan aliran Khawarij dalam isu berikut:<br>1) Pelaku dosa besar<br>2) Kedudukan iman<br><br><table><tr><th>ISU</th><th>AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</th><th>KHAWARIJ</th></tr><tr><td>Pelaku dosa besar</td><td>Tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir</td></tr><tr><td>Kedudukan iman</td><td>Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran</td></tr></table></td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud akad dalam muamalat Islam ialah :<br>Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Rukun akad dalam muamalat Islam :<br>- Pihak yang berakad<br>- Sesuatu yang diakadkan<br>- Sighah</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>




Rajah 3 : Penipuan dalam kewangan

Berdasarkan rajah 4, cadangkan cara menjauhi yang boleh diamalkan oleh masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan skim tersebut.

**Rubrik penskoran**

<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>

**Cadangan isi :**

- Kehidupan masyarakat huru hara
- Berlaku penindasan
- Kes jenayah meningkat
- Berlaku unsur gharar/ judi/ riba
- Ekonomi masyarakat merosot

</td><td>4 markah</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | Maksud talak ialah :<br>Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan. | 1 x 2m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Jenis talak berikut ialah :<br>a) Talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah tanpa akad nikah dan mahar yang baharu.<br>b) Talak yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah dan mahar yang baharu | 1 x 2m = 2m |
| | | (iii) | Jenis talak berikut ialah :<br>a) Talak Rajie : Makruh<br>b) Talak Bain : Haram | 2 x 1m = 2m |
| | (c) | (i) | Maksud fara'id ialah :<br>Pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia kepada anggota warisnya menurut hukum syarak. | 1 x 2m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Jenis waris tersebut :<br>a) waris yang menerima harta pusaka mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh syarak.<br>b) waris yang menerima baki harta pusaka selepas dibahagikan kepada ashabul furud | 2 x 2m = 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 4 | (a) | (i) | Fakta sejarah kerajaan Abbasiah<br><br>- Asal penubuhan : Sempena nama bapa saudara Rasulullah iaitu al-Abbas bin Abdul Mutalib.<br>- Pengasas: Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Saffah<br>- Tempoh memerintah :524 tahun iaitu bermula tahun 132H-656 H<br>- Keluasan kerajaan :Meliputi sebahagian besar benua Afrika Asia dan Eropah<br>- Bilangan khalifah: 37 orang<br>- Khalifah yang terkenal<br>(a) Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Safah<br>(b) Abu Jaafar Abdullah Muhammad bin Ali al-Mansur.<br>(c) Harun al-Rasyid bin Muhammad al-Mahdi bin al-Mansur al-Abbasi<br>(d) Abu Jaafar Abdullah al- Makmun bin Harun al-Rashid<br>- Khalifah terawal :Abu al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali al-Saffah<br>- Khalifah terakhir : al-Musta'sim Billah Abdullah bin Mansur al-Mustansir Billah<br>- Pusat Pemerintahan : Baghdad, Iraq | 3 x 1m = 3m |
| | | (ii) | Faktor kemerosotan kerajaan Abbasiah ialah :<br>- Campur tangan pegawai berbangsa parsi dan Turki dalam pemerintahan.<br>- Perebutan kuasa antara Khalifah seperti al-Muntasir dan al-Mu'taz, menyebabkan institusi khalifah menjadi semakin lemah.<br>- Perpecahan beberapa wilayah sehingga memberi peluang kepada pembentukkan kerajaan kecil seperti Saljuk dan Buwaih.<br>- Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah.<br>- Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga mengganggu ketenteraman awam.<br>- Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad. Hal ini menyebabkan dana Baitulmal merosot.<br>- Sektor pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan.<br>- Pertahanan ketenteraan yang lemah memudahkan serangan daripada pihak musuh seperti orang Georgia dan Armenia.<br>- Serangan daripada tentera Monggol (Hulagu Khan) telah meruntuhkan kekuatan Kerajaan Abbasiah. | 2 x 2m = 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (*b*) | (i) | Riwayat hidup tokoh yang berikut :<br><br>a) Imam Malik ra<br>- Nama penuh : Malik bin Anas al- Madani<br>- Tarikh lahir : 93 Hijrah di Madinah<br>- Tarikh wafat : 179 Hijrah<br>- Kuniyah :Abu Abdullah<br>- Keperibadian<br>(1) Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana.<br>(2) Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip “murid mencari guru”.<br>(3) Memuliakan majlis pengajian hadis Rasullulah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian.<br>(4) Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu.<br>- Guru yang tersohor<br>(1) Nafi’ al-Madani.<br>(2) Muhammad bin Syihab al-Zuhri.<br>(3) Yahya bin Sa'id al-Ansori.<br><br>b) Imam Abu Hanifah ra<br>- Nama penuh : al-Nu'man bin Tsabit al-Kufi<br>- Tarikh lahir : 80 Hijrah di Kufah<br>- Tarikh wafat :150 Hijrah<br>- Kuniyah : Abu Hanifah<br>- Keperibadian<br>(1) Sangat memuliakan ilmu pengetahuan.<br>(2) Kuat beribadah seperti sentiasa melakukan qiamullail, berpuasa sunat dan selalu khatam al-Quran.<br>(3) Seorang yang pemurah dan penyayang.<br>(4) Tidak terpengaruh dengan tawaran pangkat dan kedudukan.<br>- Guru yang tersohor<br>(1) Hammad bin Abi Sulaiman.<br>(2) Ata’ bin Yasar.<br>(3) Amru bin Dinar. | <br><br>2 x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Iktibar daripada keunggulan tokoh tersebut ialah :<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran imam mazhab dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu.<br>- Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab supaya masyarakat hidup harmoni.<br>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari supaya hidup diberkati Allah SWT.<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat.<br>- Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu agar tidak terpesong daripada syariat Islam. | 2 x 2m = 4m |
| | (c) | (i) | Riwayat hidup tokoh Ahmad Ibrahim ialah :<br><br>- Nama Penuh :Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>- Tarikh Lahir :15 Mei 1916<br>- Tarikh Meninggal Dunia :17 April 1999<br>- Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor<br><br>- Pekerjaan :<br>a)Pensyarah Kuliah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<br>b)Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br><br>-Ketinggian akhlak :<br>a)Suka menyebarkan ilmu.<br>b)Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br><br>-Tahap Pendidikan :<br>a)Victoria Bridge School, Singapura.<br>b)Raffles Institution, Singapura.<br>c)Raffles College, Singapura.<br>d)Universiti of Cambridge. | 3 x 1m = 3m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Ahmad bin Ibrahim banyak memberi sumbangan dalam bidang perundangan Islam seperti menghasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. | |
| | | (ii) | Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi kehebatan tokoh di atas. | 4 markah |

**Rubrik penskoran**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Bersungguh – sungguh dalam menuntut ilmu
- Sering membuat rujukan
- Sering bertanya pada guru tanpa jemu
- Sering mengulangkaji pelajaran
- Belajar hingga peringkat tertinggi

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Adab terhadap orang sakit ialah :<br>- mendoakan kesihatan mereka.<br>- membantu mereka yang ingin melakukan ibadah.<br>- memberikan semangat dan motivasi.<br>- tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka.<br>- memastikan tempat dan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.<br>- menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. | 2 x 1m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Hikmah beradab kepada orang sakit ialah :<br>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT.<br>- Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati Allah SWT.<br>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan.<br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2x2m=4m |
| | | | | |
| | (b) | (i) | Maksud wasatiyyah ialah :<br>Pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan. | 1 x 2m = 2m |
| | | | | |
| | | (ii) | Aspek keseimbangan dalam prinsip wasatiyah ialah:<br>- melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah<br>- menghayati al-quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh.<br>- melakukan ibadat dengan ikhlas.<br>- mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.<br>- berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.<br>- memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia.<br>- menjauhi barang larangan yang boleh merosakkan akal seperti dadah dan arak.<br>- menggunakan akal sebaik-baiknya untuk meningkatkan ilmu.<br>- menggunakan akal untuk memajukan diri dan masyarakat serta meningkatkan pembangunan negara. | 2 x 1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Firman Allah SWT :<br><br>*"Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari seksa neraka".*<br>(Surah al-Baqarah: 201)<br><br>Rajah 5 : Tafsir al-Quran<br><br>Berdasarkan rajah 5, bagaimana anda mengaplikasikannya untuk menjadi murid yang berjaya dengan mengaitkan prinsip wasatiyyah. Huraikan. | |
| | | | **Rubrik penskoran**<br><br>(see rubric table below)<br><br>**Cadangan isi: (seimbangkan antara tuntutan dunia dan akhirat)**<br>- Menyeimbangkan jadual belajar dengan waktu beribadat.<br>- Menyeimbangkan aktiviti fizikal dan rohani.<br>- Belajar bersungguh-sungguh tanpa melupakan Allah. | 4 markah |
| | (c) | (i) | Adab menjaga alam sekitar ialah :<br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar.<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam sekitar.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam.<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.<br><br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | 2 x 1m=2m |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | KUALA LUMPUR: Kejadian pencemaran udara di Pasir Gudang, Johor, dipercayai berpunca pembuangan sisa toksik yang ditanam di dalam tanah. Profesor Kejuruteraan Kimia, Jabatan Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud, berkata, saliran air bawah tanah di daerah itu berkemungkinan sudah tepu dengan sisa toksik yang meruap sebelum meresap melalui tanah naik ke permukaan sehingga membentuk gas toksik.<br>**Sumber : Berita Harian 3 Julai 2019**<br><br>Rajah 6 : Keratan akhbar | |
| | | (ii) | Berdasarkan rajah 6, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku jika situasi di atas tidak dibendung.<br>**Rubrik penskoran** | 4 markah |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**Cadangan isi:**

- Kesihatan masyarakat terancam.
- Wabak penyakit berleluasa
- Hilang sumber air minuman bersih.
- Hilang daya tarikan pelancong.
- Habitat flora dan fauna terancam.
- Memberi kesan negatif terhadap ekonomi negara.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT